

Anugerah utama i-INOVA tiada pemenang

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), begitu kecewa apabila peserta Ekspo Inovasi Islam 2015 (i-INOVA 2015), gagal menghasilkan produk berkualiti hingga menyebabkan tiada pemenang bagi anugerah utama pada tahun ini.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USIM Profesor Datuk Dr Mustafa Mohd Haneh berkata, bagi kategori terbuka, 43 penyertaan diterima daripada agensi awam dan swasta, manakala kategori prasiswazah pula, 29 penyertaan diterima.

Bellau yang juga Pengerusi i-INOVA 2015 bagaimanapun kecewa apabila semua produk yang dibentangkan tidak menepati piawaian lebih tinggi.

"Tiada anugerah utama diraih peserta dan produk dipamerkan tidak menam-

bat hati juri.

"Kami mahu selepas ini, semua peserta yang menyertai i-INOVA menghasilkan sesuatu yang unik, berkualiti dan baru," katanya.

Bellau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah i-INOVA 2015 di Dewan Canselor USIM, di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Pro-Canselor USIM, Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhauddin Tuanku Muhriz.

Mustafa berkata, i-INOVA diperkenalkan 2010, memiliki sekurang-kurangnya seorang pemenang utama pada setiap tahun.

"Pada tahun ini, kami (USIM) dikejutkan apabila juri menyatakan tiada se-sapa layak kerana produk dibentangkan tiada 'standard'," katanya.



PESERTA Darul Quran menunjukkan produk projek mereka Braille For All yang memenangi Anugerah Ibnu Sina.